

Mahathir beri jaminan sokong sesiapa saja penggantinya

KAJANG 15 Okt. — (Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad memberi jaminan bahawa beliau akan menyokong sesiapa sahaja yang menggantikannya sebagai Perdana Menteri.

"Saya berjanji akan menyokong sesiapa sahaja yang menggantikan saya," katanya ketika berucap di majlis pertemuan dengan calon-calon serta bekas calon Barisan Nasional (BN) Selangor di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, apabila bersara kelak, beliau tetap akan menyokong UMNO kerana parti inilah yang telah menaikkan beliau sehingga ke jawatan seka-

rang.
UM 16 OCT 1990
"UMNOlah yang telah menaikkan saya daripada jawatan wakil rakyat, menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Perdana Menteri," katanya dan menambah oleh itu sewajarnya beliau mengenang budi UMNO.

Dato' Sri Dr. Mahathir menyelar sikap beberapa bekas pemimpin UMNO yang bukan hanya tidak mengenang budi tetapi menghancurkan parti itu.

Katanya, nama-nama seperti Tengku Razaleigh Hamzah, Dato' Haji Suhaimi Kamaruddin oleh Encik Fahmi Ibrahim tidak akan

dikenali jika tidak kerana UMNO.

Beliau bagaimanapun memuji beberapa bekas Menteri Besar seperti Dato' Hormat Rafei dan Dato' Ahmad Razali Mohd. Ali kerana kesediaan mereka terus memberi sokongan kepada BN.

Di samping itu, kata beliau, mereka yang tidak terpilih sebagai calon, seperti Dato' Kaharuddin Mokmin, Dato' K. Pathmanaban, Dato' S. Subramaniam dan Encik Govinderaj juga patut dipuji kerana kesediaan mereka membantu calon-calon BN.

"Inilah sebenarnya sikap yang terbaik dan terpuji yang harus dicontohi," ujarnya.